

07 JUL 2001

MAHATHIR-SPEKULASI

DR MAHATHIR NAFI SPEKULASI PELANTIKAN MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan semua spekulasi mengenai pelantikan Menteri Kewangan bagi menggantikan Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata semuanya tidak berasas.

"Saya tidak faham kenapa ramai suka membuat spekulasi. Semuanya tidak berasas tetapi masih ada yang mahu mendengar," katanya pada sidang media selepas konvensyen Barisan Nasional (BN) di sini.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan akhbar hari ini yang membuat spekulasi kononnya Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri yang juga bekas Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman akan dilantik sebagai Menteri Kewangan kedua.

"Suratkhabar itu boleh membuat spekulasi tersebut. Kita tunggu dan lihat sama ada semua spekulasi ini ada kebenarannya," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau mempunyai pasukan yang mantap yang terdiri daripada dua Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Dr Samsuddin Hitam; dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, untuk membantu beliau menguruskan ekonomi negara.

"Saya juga mempunyai Penasihat iaitu Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop," katanya.

Dr Mahathir mengambil alih jawatan Menteri Kewangan apabila Daim meletakkan jawatan pada 1 Jun tahun ini.

Kepada satu soalan yang lain, Perdana Menteri berkata kerajaan tetap dengan sasaran untuk mencapai pertumbuhan pinjaman sebanyak 8.0 peratus tahun ini. -- BERNAMA

MAD MFJ NHD